

Azan

Berdendang lagu mesra beralun

Dari menara tinggi menjulang

Datang hai insan merebut menang

Hidupmu bermahkota intan

Tanahmu berpagar aman.

Bercerminlah pada ayat-ayat Tuhan

Tidak cermin perbandingan setaranya

Datanglah bersembah sujud di lantai masjid

Berlagu, berdendang dalam peluk kasih

Tuhan

Jiwamu tenang, tenteram dan damai:

Cari indah di tanah indah

Cari pahala di amal salih

Tumpah cinta tumpah ke dada

Tidak lara hidup membara

Nafas manis hidup pun manis.

Tahulah:

Hidup kita bermahkota cinta

Mati kita bermahkota amal!

– Abki

Alor Setar Kedah.

Ucapan Dukacita

Dalam keluaran bulan yang lalu kita telah menyiarkan suatu perkhabaran yang kita telah difahamkan daripada seorang rakan bahawa Puan Seroja, Pegawai Kebajikan Masyarakat di Mahkamah Syariah Singapura di dalam suatu ucapan di Kesatuan Pemuda-pemudi Kampung Melayu, telah membuat suatu kenyataan berkenaan dengan langkah-langkah Mahkamah Syariah atas perkara ((menyekat bermadu dan menolak cerai kalau tidak dengan persetujuan isteri)). Daripada perkhabaran itu kita telah membidas dengan kerasnya terhadap langkah Puan Seroja.

Kita sekarang faham bahawa sebenarnya Puan Seroja tidak pernah membuat sebarang ucapan kepada Persatuan Pemuda-pemudi Kampung Melayu dan tidak pernah pun membuat kenyataan yang dikatakan diperbuat olehnya itu mengenai langkah-langkah Mahkamah Syariah. Yang demikian nyatalah kenyataan dalam majalah kita berkenaan dengan hal itu tiada sekali-kali berasas dan bahawasanya ulasan-ulasan kita tentang kelakuan-kelakuan Puan Seroja itu tidak sekali-sekali munasabah.

Kita tahu bahawa Puan Seroja ialah seseorang pegawai Islam yang ikhlas di dalam jawatan kerajaan, dan kita sukacita menyiarkan pembetulan berkenaan dengan perkara ini di dalam majalah kita, serta menyampaikan perasaan dukacita kita dengan tulusnya kepadanya atas kekhilafan ini dan kita meminta maaf kepadanya kerana apa-apa jua kerunsingan yang harus telah berlaku kepada dirinya.